

Newspaper
Date

Berita Harian
1 March 2016

MAHATHIR KELUAR UMNO

Bekas PM sanggup hadiah kuasa kepada pembangkang

BA-1/3/2016

» Kaedah terakhir untuk tewaskan musuh peribadi, bunuh UMNO

Oleh Haika Khaiz
mfaizul@bh.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad keluar UMNO adalah tindakan akhirnya untuk 'menumpaskan' Datuk Seri Najib Razak selepas gagal mempengaruhi Ahli Parlimen.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata ia kaedah terakhir menewaskan musuh peribadi dan seterusnya melumpuhkan dan membunuh UMNO.

Berikut kenyataan beliau berhubung tindakan kali kedua Dr Mahathir keluar daripada UMNO:

Pengumuman Tun Dr Mahathir Mohamad keluar UMNO sudah

lama diduga. Pengumuman itu adalah satu lagi strategi yang berterusan dalam usahanya 'menumpaskan' Datuk Seri Najib Razak selepas usahanya mempengaruhi Ahli Parlimen dan UMNO bahagian gagal.

Strategi terbaru ini adalah untuk melumpuhkan dan membunuh UMNO sebagai kaedah terakhir menewaskan Najib. Pendekatan ini didorong pengalaman di mana beliau bersedia mengorbankan UMNO demi mencapai matlamat menewaskan musuh peribadi politiknya.

Kerajaan UMNO Selangor jatuh

Kerajaan UMNO Kelantan 'dibunuh' dalam usaha menewaskan Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, Kerajaan UMNO Selangor 'terkorban' berikutan usahanya menumpaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan negeri Pulau Pinang pula jatuh dalam usahanya menewaskan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir sanggup memberi 'hadiah' kepada PAS (Kelantan), PKR (Selangor) dan DAP (Pulau Pinang) asalkan beliau dapat menewaskan musuhnya. Dalam erti kata lain sejarah membuktikan Tun M tidak teragak-agak meng-

hadiahkan pembangkang kuasa dan kerajaan asalkan beliau berjaya menewaskan dan menyinkirkan orang tidak disukainya.

Itulah Tun M dalam lipatan sejarah perjuangannya. *To fail is never an option.* Justeru terpuanglah kepada ahli UMNO untuk melihat episod terbaharu ini.

Buat Tun M beliau tidak rugi apa-apa kerana beliau dan keluarganya sudah punya segala-galanya, malah anggota keluarganya tersenarai dalam golongan *billionaire* terkaya di Malaysia.

Membunuh UMNO juga satu jalan paling selamat buat Tun M

untuk menjadikan beliau *darling of opposition* dan dengan itu beliau berjaya menukar (turn around) 23 tahun kebencian dan harassment pembangkang kepada dirinya yang selepas ini akan disokong dan dihargai pembangkang atas jasa besarnya meruntuhkan UMNO.

Sebagai *true Michevellian*, matlamat menghalalkan cara. Tun M tidak sukar melakukan ini kerana didorong kejayaannya menewaskan Tun Abdul Razak Hussein Anwar Ibrahim dan Tun Abdullah Badawi dengan cara ini sebelum ini walaupun kejayaannya



Annuar Musa

itu dibayar dengan harga yang mahal oleh ahli UMNO terutama di Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang.

UMNO bukan Tun M

Kini Tun M bersedia menghadiahkan Malaysia demi mengekalkan rekod tanpa kalah beliau dalam menewaskan orang yang tidak digemarinya atau yang tidak mahu mengikut *my way*. Ahli UMNO sejati harus terima keputusan Tun M sebagai hak peribadinya.

Barang siapa berjuang kerana Tun M mungkin mengikuti beliau dan barang siapa berjuang kerana UMNO demi agama, bangsa dan tanah air sama sekali tidak perlu goyah dengan gelagat satu individu kerana UMNO itu bukan Tun M.

Tanpa beliau perjuangan tetap diteruskan. Semoga Allah melindungi UMNO.

Kronologi Dr Mahathir dalam UMNO

- 1946 - Mula menyertai UMNO ketika parti itu ditubuhkan.
- 1969 - Dipecat daripada UMNO kerana melanggar disiplin apabila mengkritik kepimpinan parti dan menggesa Presiden parti, Tunku Abdul Rahman meletak jawatan.
- 1972 - Diterima menyertai UMNO dan mendapat undi tertinggi MT, tetapi kalah pemilihan Naib Presiden.

- 1981 - Dipilih menjadi Presiden UMNO kelima.
- 1988 - Menubuhkan UMNO (Baru) apabila parti diharamkan.
- 2008 - Keluar UMNO kerana dakwaan hilang kepercayaan terhadap Presiden ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi.
- 2009 - Menyertai UMNO selepas Abdullah meletakkan jawatan.